

BELANGKAS merupakan haiwan prasejarah yang hidup sejak 200 juta tahun lalu dan masih kekal hingga ke hari ini.

Walaupun tidak ramai pernah melihatnya secara dekat, tetapi nama haiwan itu digunakan dengan cukup meluas dalam pepatah Melayu.

Di Malaysia, haiwan akuatik purba itu dikategorikan sebagai kekurangan data dalam senarai merah Kesatuan Pemuliharaan Alam Sekitar (IUCN).

Bagi memastikan hidupan itu kekal lestari tanpa diancam kepupusan, sekumpulan penyelidik Universiti Malaysia Terengganu (UMT) merintis Projek Translasional Belangkas.

Projek yang bermula dari 2017 hingga kini diketuai oleh Prof. Dr. Noraznawati Ismail bersama lima penyelidik lain.

Noraznawati berkata, objektif projek itu termasuk melahirkan 10 jurupandu belangkas bertauliah berdasarkan Modul Jurupandu Belangkas.

Kata beliau, golongan berkenaan bertanggungjawab memastikan haiwan fosil khazanah negara itu menjadi produk ekopelancongan yang unik bagi tarikan pelancong seluruh dunia.

Jelas Noraznawati, kejayaan projek itu sekali gus bakal menjadikan Hatcheri Belangkas UMT, Kuala Kemaman (HBUKK) sebagai pusat rujukan belangkas terbaik di Malaysia.

“Jawatan jurupandu belangkas tiada di tempat-tempat lain dan kita adalah perintisnya di Malaysia. Sasaran kita adalah untuk melahirkan 10 jurupandu belangkas bertauliah,” katanya kepada *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

SKOP TUGASAN

Menurut Noraznawati, antara tugas jurupandu belangkas ialah menyampaikan informasi mengenai haiwan itu di samping maklumat tentang HBUKK, kumpulan penyelidik dan UMT kepada umum.

Selain itu, katanya, golongan berkenaan turut berperanan membantu dalam aktiviti rutin penjagaan belangkas termasuk penetasan dan pelepasan juvenil.

Ujar beliau, jurupandu juga perlu terlibat dalam program



POPULASI belangkas di Terengganu kini antara 9,000 hingga 10,000 ekor.

Lahir jurupandu belangkas pertama Malaysia



luar seperti pameran dan kursus serta lain-lain latihan.

3,600 EKOR BELANGKAS DILEPASKAN DI TERENGGANU

Pakar belangkas dari Institut Bioteknologi Marin, UMT itu berkata, sejak 2017 hingga kini, sebanyak 3,600 ekor belangkas dilepaskan di sepanjang perairan Terengganu.

“Bagi belangkas juvenil pula sebanyak 1,469 ekor dilepaskan selepas berjaya ditetaskan di HBUKK,” ujarnya.

Noraznawati berkata, Malaysia sangat bertuah kerana memiliki tiga daripada empat spesies belangkas di dunia, dengan dua daripadanya iaitu T.g dan C.r. terdapat di perairan Kuala Kemaman.

“Dengan pelaksanaan projek ini, kita menganggarkan populasi belangkas di Terengganu kini antara 9,000 hingga 10,000 ekor,” katanya.

BERTELUR MEI HINGGA OKTOBER

Tambah Noraznawati, pemilihan Pantai Telaga Simpul sebagai lokasi pelepasan belangkas juvenil adalah tepat kerana ia merupakan antara habitat

semula jadi haiwan akuatik itu di perairan Kemaman.

Kongsi beliau, belangkas akan datang bertelur di sepanjang pantai itu dari Mei hingga Oktober.

Ujarnya, kedudukan pantai itu yang berdekatan HBUKK memudahkan pelancong untuk datang melawat pusat berkenaan dan menjalankan aktiviti pelepasan belangkas juvenil di Pantai Telaga Simpul.

Tambah Noraznawati, pusat pemuliharaan

belangkas, HBUKK beroperasi sepenuhnya pada 20 Jun 2020.

“HBUKK muncul pusat pemindahan ilmu berkaitan belangkas pertama di pantai timur dan sehingga kini telah dilawati lebih 1,000 pengunjung dalam kalangan penduduk setempat di samping pelancong tempatan serta asing.

Ujarnya, kewujudan pusat itu membolehkan orang ramai melihat, menyentuh dan mengetahui fakta sebenar tentang belangkas.



AKTIVITI pelepasan belangkas juvenil di Pantai Telaga Simpul.

INFO

- » Tidak mempunyai tulang belakang dan terdiri dalam keluarga Arthropoda (sama seperti ketam, labah-labah dan kala-jengking).
- » Hidup sepenuhnya dalam air dan boleh dijumpai di laut masin dan di kawasan paya air tawar.
- » Empat fasa kitaran hidup dengan bermula daripada sepasang belangkas dewasa bertelur, telur menetas, menjadi larva dan seterusnya membesar sebagai belangkas juvenil (belum memasuki tahap kematangan).
- » Matang pada usia enam hingga tujuh tahun.
- » Belangkas dewasa biasanya menghabiskan waktunya di laut dalam, jauh dari pantai.
- » Bahagian ekor dan duri boleh menyebabkan kecederaan jika tidak dikendalikan dengan betul.